


CATATAN GARIS MASA MUZIK MELAYU DARI AWAL TAHUN 1900 SEHINGGA KINI



ZAMAN BANGSAWAN

Bangsawan adalah salah satu seni budaya baru yang berkembang dalam zaman perubahan sosial, ekonomik dan politik yang pesat.

Nama-nama jalan di Opera Estate mengingatkan kita kepada zaman bangsawan Melayu seperti Jalan Terang Bulan, Terang Bulan Avenue, Jalan Bintang Tiga, Jalan Bangasawan dan Jalan Khairuddin.

Sila Rujuk:
Dean (Khairuddin)
Tijah (Cik Wan Tjiah)



RADIO & PIRING HITAM

Muzik Melayu Singapura mula dimainkan di radio dan dirakamkan dan dijual dalam bentuk piring hitam.

Radio pada ketika itu hanya bersiaran selama beberapa jam setiap hari. Sebahagian muzik yang ke udara di radio ketika itu dimainkan secara langsung.

Sila Rujuk:
Ahmad Patek
Momo Latiff
R. Azmi



AMAN KEGEMILANGAN WAYANG GAMBAR

Syarikat-syarikat perfileman seperti Malay Film Production di Jalan Ampas dan Cathay Keris menerbitkan banyak filem-filem yang menghasilkan lagu-lagu Melayu yang popular sehingga kini.

Studio-studio tersebut juga menjadi tempat bagi ramai pelakon, penyanyi, pemuzik dan pengarah Melayu terkenal menempah nama.

Sila Rujuk:
P. Ramlee
Zubir Said

Dengar:

P. Ramlee merupakan salah seorang pelakon mapan Singapura yang lahir dari Zaman Kegemilangan Wayang Gambar di Singapura atau *Singapore's Golden Age of Cinema*. *Azizah* dari filem *Penarik Beca*, merupakan lagu pertama yang ditulis oleh P. Ramlee untuk sesebuah filem.



<https://tinyurl.com/PRamleeAzizah>

1900'

1910'

1920'

1930'

1940'

1950'

WADAH TUMPUAN

Penemuan peti nyanyi merubah bagaimana orang mendengar muzik dari tahun 1900 dan seterusnya. Muzik kini boleh dirakam dan didengar pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Pada tahun 1903, *Nuri Terbang Malam* oleh Qasim dirakam oleh penerbit Fred Gaisberg dan pembantunya, George Dillnut. Ia merupakan lagu Melayu pertama yang pernah dirakam.

Muzik di Singapura merupakan suatu wadah tumpuan yang melibatkan pengaruh budaya dari pendatang - pendatang baru yang masuk ke Singapura, serta sejarah muzik tanah Melayu yang kaya, dari selatan Siam ke Sumatra.



Dengar:

Rakaman pertama di Singapura, *Nuri Terbang Malam* oleh Qasim

<https://tinyurl.com/NuriTerbang>


SINGAPURA: PUSAT PERKEMBANGAN SENI

Muzik Melayu menerima pengaruh muzik luar dengan rancaknya, khususnya dari barat.

Singapura menjadi pusat perkembangan seni di rantau ini. Ramai seniman dari negara-negara sekeliling berhijrah ke sini.

Ahli muzik Melayu begitu canggih. Mereka juga giat memainkan muzik dengan pengaruh tren baru seperti jazz dan Big Band.

Sila Rujuk:
Miss Erah
Miss Dinah



PERANG DUNIA KEDUA & PASCA PERANG DUNIA KEDUA

Masyarakat Singapura mempelajari bahasa dan lagu-lagu Jepun.

Hanya lagu-lagu Jepun atau lagu-lagu yang memuji pemerintahan Jepun boleh dimainkan.

Setelah Jepun menyerah kalah, British kembali semula.

Pasca Perang Dunia Kedua menyaksikan lagu-lagu berunsur komedi menjadi tren.

Semakin ramai anak-anak muda Melayu belajar untuk memainkan muzik moden barat sebagai sumber pendapatan.

GELOMBANG BUDAYA BAHARU

Syarikat dan studio rakaman di Singapura menghasilkan album-album artis-artis tempatan dan negara jiran, secara prolifik.

Muzik dari Amerika Syarikat dan Britain mempengaruhi gaya hidup belia Singapura. Pemerintah bimbang dengan budaya yang dibawa oleh muzik ketika itu.

Peraduan nyanyian televisyen dan radio menandakan era ini.

Sila Rujuk:

Ismail Haron, Rahimah Rahim
Anita Sarawak, J. Mizan
Junainah M. Amin



Dengar:

Ku Sayang Padamu ialah salah satu lagu paling popular nyanyian Junainah M. Amin. Dia juga merupakan penyanyi lagu *Suasana Riang di Hari Raya*.

<https://tinyurl.com/JunainahKusayang>

KEWUJUDAN TEKNOLOGI

Dengan internet, muzik tidak lagi terbatas kepada hanya satu genre.

Tempoh ini menyaksikan kehadiran muzik Nusantara di mana para pemuzik meneroka identiti, budaya dan asal-usul Melayu.

Muzik *underground* juga mendapat tempat pada ketika ini, dengan beberapa subbudaya yang berkembang.

Asia Bagus yang merupakan salah satu rancangan realiti televisyen terbesar di Asia, melancarkan kerjaya ramai artis Melayu dari Singapura.

Sila Rujuk:

Najip Ali, Rausyanfikir, Nuradee, Maizurah
Hamzah, Construction Sight, Jai, 2D



Dengar:

Cenderawasih oleh 2D

<https://tinyurl.com/2dCenderawasih>

MENGORAK LANGKAH KE HADAPAN

Lanskap muzik Melayu di Singapura kian berubah dan berkembang, dan tidak didefinisikan oleh satu genre sahaja.

Artis Melayu di Singapura giat melakar perjalanan muzik mereka sendiri dan menghasilkan muzik di dalam pelbagai bentuk dan genre, dari muzik yang berunsur tradisional kepada yang lebih eksperimental.

Sila Rujuk:

NADI Singapura, NADA, Nobat Kota Singa,
Akeem Jahat



Dengar:

Teroka oleh NADI Singapura. NADI terkenal dengan penggunaan gendang tradisional Melayu dan alat muzik yang terdapat di Singapura, di dalam muzik mereka.

<https://tinyurl.com/NadiTeroka>

1960'

1970'

1980'

1990'

2000'

2010'

POP YEH YEH

Aliran musik Pop Yeh Yeh sebenarnya mendapat nama daripada lirik lagu kugiran barat, The Beatles, yang berjudul *She Loves You*.

Budaya dan fesyen dari barat menjadi ikutan ramai anak muda Singapura.

Timbul kugiran-kugiran yang terdiri daripada anak-anak muda yang pandai bermain alat-alat muzik moden seperti gitar elektrik.

Sila Rujuk:

Kassim Selamat and the Swallows
M. Osman and the Clans,
A. Ramli & the Rhythm Boys
Jefrydin & the Siglap Five
Sanisah Huri



Dengar:

Suzana, sebuah lagu oleh M. Osman, disebut sebagai lagu yang telah melancarkan fenomena Pop Yeh Yeh.

<https://tinyurl.com/MOsmanSuzana>

PELBAGAI PILIHAN MUZIK

Para penggemar muzik pada zaman 80-an ternyata mempunyai pelbagai pilihan. Genre rock, pop dan banyak lagi, mendapat tempat di hati para pengamat muzik Melayu.

Timbul pergerakan muzik Nusantara yang berjaya menambat hati para pendengar.

Muzik yang dimainkan disulami dengan unsur-unsur kemelayuan dan lirik-liriknya terikat dengan latar belakang kehidupan orang Melayu Singapura.

Titik permulaan berakhirnya studio-studio rakaman besar di Singapura.

Sila Rujuk:

Kembara, Sweet Charity



Dengar:

Bas No. 13, oleh Kembara. Dalam lagu ini, penyanyi dan penggubah, M. Nasir menyanyi tentang perubahan di Geylang Serai. Laluan bas nombor 13 merentasi kawasan Geylang Serai.

<https://tinyurl.com/KembaraNo13>

KEBANGKITAN TV REALITI & MEDIA SOSIAL

Teknologi, internet dan media sosial memainkan peranan penting dalam perkembangan muzik Melayu di Singapura.


Warga Singapura mendapat saluran Melayu pertama di stesen TV tempatan, yang sekaligus mengetengahkan lebih banyak pemuzik Melayu tempatan.

Peraduan TV realiti tempatan melahirkan pemenang yang menceburi industri muzik Melayu.

Kugiran muzik berunsur komedi juga kian membentuk aliran muzik yang popular.

Sila Rujuk:

Taufik Batisah, Hady Mirza,
Kooismangat, Art Fazil



Dengar:

Pada tahun 2009, Art Fazil melancarkan sebuah album yang berjudul *Syair Melayu*. Adakah lagu-lagu ini biasa anda dengar pada zaman kanak-kanak dahulu?

<https://tinyurl.com/ArtFazilSyair>